



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## PEMBUKAAN DAN KUTIPAN TOL PERSIMPANGAN BERTINGKAT ALOR PONGSU, LEBUHRAYA UTARA-SELATAN (PLUS)

Kementerian Kerja Raya (KKR) ingin mengumumkan bahawa pembukaan dan kutipan tol di Persimpangan Bertingkat Alor Pongsu, Lebuhraya Utara-Selatan akan dilaksanakan berkuatkuasa mulai 7 Jun 2016 bermula jam 6.00 petang.

Persimpangan Bertingkat Alor Pongsu terletak di KM181.4 Lebuhraya Utara Selatan, 5.9 kilometer (km) ke arah selatan dari Persimpangan Bandar Baharu dan 12.4km ke arah utara Persimpangan Bukit Merah. Persimpangan Bertingkat Alor Pongsu ini akan menyediakan akses terus dari kawasan Alor Pongsu, Bagan Serai dan Selama, Perak untuk memasuki Lebuhraya Utara Selatan. Reka bentuk persimpangan bertingkat ini jenis *trumpet* dan disambungkan ke Jalan Bagan Serai - Selama (FT147), Perak.

Dengan kos pembinaan kira-kira RM100 juta, persimpangan bertingkat ini juga dilengkapi dengan Tol Plaza (8 lorong iaitu 4 lorong arah keluar dan 4 arah masuk), bangunan pengawasan dan kemudahan awam seperti surau, tandas awam, wakaf, kawasan meletak kenderaan dan lain-lain untuk memberi lebih keselesaan kepada orang ramai.

Pada masa kini, pengguna Lebuhraya Utara-Selatan dari utara perlu melalui Persimpangan Bandar Baharu di KM175.46 manakala pengguna dari selatan pula perlu melalui Persimpangan Bukit Merah di KM193.80 untuk menuju ke Alor Pongsu serta kawasan sekitarnya. Melalui pembukaan persimpangan bertingkat ini, ianya akan memberikan penjimatan masa perjalanan dari arah Utara dan Selatan ke Alor Pongsu di mana masa perjalanan dapat dijimatkan dari 45 minit kepada 10 minit.

Kutipan tol di Persimpangan Bertingkat Alor Pongsu akan dilaksanakan secara sistem tol tertutup. Kadar tol akan dikira berdasarkan jarak perjalanan (tollable distance) yang telah dilalui oleh pengguna. Kadar tol permulaan bagi kenderaan kelas 1 (kereta) adalah sebanyak 13.60 sen/km, sama dengan kadar tol bagi sistem tol tertutup di Lebuhraya Utara Selatan.

1/2

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) | Kementerian Kerja Raya | @MOWorks | Pro@kk.gov.my

Sebagai contoh, pengguna kelas 1 yang membuat perjalanan dari Plaza Tol Bukit Merah ke Plaza Tol Alor Pongsu akan dikenakan bayaran tol sebanyak RM 2.00. Manakala dari Plaza Tol Juru ke Plaza Tol Alor Pongsu akan dikenakan bayaran tol sebanyak RM 5.10 dan dari Plaza Tol Jalan Duta ke Plaza Tol Alor Pongsu akan dikenakan bayaran tol sebanyak RM 38.30.

Pengguna dinasihatkan supaya mematuhi peraturan perjalanan dan papan tanda arah yang disediakan semasa melalui ke semua plaza tol ini bagi memastikan perjalanan yang lancar ke destinasi yang dituju.

Pengguna yang mempunyai sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh menghubungi *hotline* Pusat Trafik Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) 1-800-88-7752 atau mana-mana pusat khidmat pelanggan lebuhraya yang berkenaan.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**7 JUN 2016**